

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah status program SMART SBB :-

- (a) nama dan apakah latar belakang 11 syarikat peneraju; dan
- (b) jumlah pesawah yang terlibat dan adakah pesawah akan dipaksa untuk menandatangani perjanjian ladang kontrak ini

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) merupakan hala tuju baharu industri padi dan beras negara yang digariskan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi meningkatkan produktiviti serta mewujudkan pengurusan sawah secara cekap dan sistematik menerusi pelaksanaan secara koperasi, persatuan atau berkelompok untuk penggunaan sumber secara optimum.

Tumpuan MAFI dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) adalah untuk melaksanakan penanaman padi menggunakan konsep SMART SBB bagi meningkatkan kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras negara kepada 75% menjelang tahun 2025 sekaligus memastikan jaminan sekuriti makanan negara sepanjang masa.

SOALAN NO : 14

Pelaksanaan program SBB ini akan mengurangkan peranan orang tengah, penjimatan kos penanaman kepada pesawah, meningkatkan pendapatan pesawah, menjadikan industri padi dan beras negara lebih kompetitif dan berdaya saing di sepanjang rantai nilai melalui pelaburan swasta sekaligus akan mampu mengurangkan keperluan input pertanian bersubsidi secara berperingkat.

Dalam hal ini, program SMART SBB ini juga dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan dalam pengurusan tanah-tanah sawah melalui kerjasama dengan peneraju projek (syarikat berkaitan Kerajaan atau swasta) di mana segala kos yang terlibat akan ditanggung oleh pihak peneraju secara berperingkat di samping turut menggunakan pelbagai kaedah teknologi moden dan terkini.

Setakat ini, terdapat sebelas (11) syarikat peneraju yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MAFI seperti berikut:

Bil	Syarikat Peneraju	Pemilik Kilang Beras
1	Hugeturn Sdn Bhd	Kilang Beras JATI
2	Sinaran Murni Sdn Bhd	Kelang Beras OEL
3	Eco Agro Pentagon Sdn Bhd	Kilang Beras Jasmine
4	CC Jaya Innovation Sdn Bhd	Kilang Beras Cap Sireh
5	Hartamas Sentosa Sdn Bhd	Kilang Beras Sunflower
6	Jelapang Padi Emas Sdn Bhd	Kilang Beras Cap 88
7	Kilang Beras Rajang Sdn Bhd	Kilang Beras Seri Merbok Sdn Bhd
8	Kilang Beras Rakyat Sekinchan Sdn Bhd	Kilang Beras Cap Asas
9	Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)	Kilang BERNAS
10	Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM)	Skim Pengilang Bumiputera
11	FGV Integrated Farming Holdings	Kilang Beras SAJI

SOALAN NO : 14

MAFI juga dalam proses rundingan dengan beberapa buah syarikat peneraju lain yang juga telah menyatakan hasrat untuk turut terlibat dalam program ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, buat masa kini, pelaksanaan Program SMART SBB ini masih dalam peringkat awal memandangkan ianya disasarkan dilaksanakan sehingga tahun 2030. Syarikat peneraju yang terlibat akan mengadakan sesi libat urus bersama agensi yang berkaitan kepada pesawah-pesawah yang berminat untuk menyertai program SMART SBB ini. Penyertaan pesawah dalam program ini adalah secara sukarela tanpa sebarang paksaan untuk menyertai program ini dan kontrak akan dibuat antara pihak yang terlibat bagi menjamin kepentingan bersama.

Sebagai permulaan, MAFI telah melaksanakan program SMART SBB ini di beberapa tempat sebagai perintis program di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak di bawah seliaan Syarikat Peneraju iaitu FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd. Seramai 200 orang pesawah dengan kawasan seluas 173 hektar di IADA Barat Laut Selangor dan 140 hektar di IADA Seberang Perak terlibat di bawah program tersebut.

Sekian, terima kasih.